

11 NOV 1997

MUZIUM PERLIS TUBUH JAWATANKUASA PEMBELIAN BARANGAN

KANGAR, 11 Nov (Bernama) -- Muzium Negeri Perlis yang menghadapi kesukaran mengumpulkan artifak bersejarah telah menubuhkan Jawatankuasa Pembelian Barangan bagi mengendalikan pembelian artifak seumpamanya.

Pengerusi muzium itu Encik Ibrahim Salleh hari ini berkata jawatankuasa berkenaan akan mengusahakan rundingan dengan pemilik-pemilik artifak untuk membelinya dengan harga yang bersesuaian.

Orang ramai tidak perlu bimbang untuk menjual artifak yang mereka miliki kepada muzium negeri kerana jawatankuasa yang dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri Abdul Latib Omar itu mempunyai kepakaran untuk menilainya, katanya.

"Selain menjual, orang ramai juga boleh menyerahkan artifak secara pinjaman kepada muzium negeri memandangkan ia menjadi tempat paling selamat untuk menyimpan artifak bersejarah," katanya kepada Bernama di sini.

Sementara itu, Muzium Perlis dengan kerjasama Muzium Negara semalam memulakan pameran "40 Tahun Kecemerlangan Malaysia" selama sebulan yang dibuka secara percuma kepada orang ramai.

Pameran itu memaparkan sejarah kegemilangan empat perdana menteri negara bermula dengan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra sehingga Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

RIS AD RON